

TERKINI UTAMA & BENGASI

By **AK-47** 15/09/2022 0 60

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memaklumkan sedang meneliti ketirisan cukai membabitkan syarikat yang menjalankan menyeleweng subsidi minyak masak.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Meskipun siasatan penyelewengan subsidi minyak masak oleh kementerian lain, tetapi ketegasan LHDNM dalam aspek percukaian melibatkan jenayah itu harus disambut baik masyarakat.

Dalam memahami perkara ini kita wajar mengetahui implikasi ketirisan cukai disebalik penyelewengan subsidi melibatkan Tahun Taksiran 2018 sehingga 2020 sebanyak RM1 bilion.

Cukai yang sepatutnya diperoleh negara daripada jumlah RM1 bilion itu amat besar manfaatnya jika ia disalurkan kepada usaha-usaha membantu rakyat dan membangunkan negara.

Terutama pada waktu negara sedang memasuki fasa peralihan kepada endemik, manakala sebahagian rakyat sedang berusaha bangkit daripada kemusnahan pandemik.

Ini juga bermaksud perbuatan menyeleweng subsidi minyak masak bukan sahaja pengkhianatan kepada rakyat yang

memerlukan subsidi berkenaan, malah ia juga pengkhianatan kepada negara.

Pertama, syarikat yang terlibat dalam perbuatan tidak bertanggungjawab itu telah 'mencuri dan merompak' hak rakyat untuk mendapat subsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi mengurangkan bebanan hidup mereka.

Kedua, syarikat yang terlibat dalam perbuatan tidak bertanggungjawab itu telah 'melarikan dan menyembunyikan' cukai yang sepatutnya mereka bayar kepada kerajaan berdasarkan keuntungan yang mereka peroleh.

Justeru, penguatkuasaan yang tegas termasuk daripada sudut percukaian menjadi suatu cerminan betapa perbuatan menyeleweng subsidi minyak masak sama sekali tidak boleh diterima yang wajib ditentang habis-habisan dalam segenap aspek.

LHDNM pada Mac lalu memaklumkan sebanyak 63 syarikat dan kilang-kilang pembungkusan semula (repacker) minyak masak bersubsidi telah disiasat dan semakan awal mendapati 44 syarikat kurang melaporkan pendapatan, manakala baki 19 syarikat tidak mempunyai fail cukai pendapatan.

Kita berharap lebih banyak syarikat tidak bertanggungjawab seperti ini dapat dikesan oleh pihak berkuasa termasuk LHDNM supaya yang benar-benar jujur sahaja dibenarkan menjalankan operasi membabitkan subsidi minyak masak dan hak negara dikembalikan.

-Mynewshub

